



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	8/8/2018	MUKA SURAT	:	23
JABATAN	:	UMUM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

BGMC tanam 500 anak pokok bakau

JERAM – Sebanyak 500 anak pokok bakau akan ditanam di sepanjang pesisiran pantai sempena Program CSR Tanam Pokok Bakau anjuran BGMC Corporation Sdn Bhd pada Sabtu ini.

Program yang akan diadakan di Hutan Simpan Kapar Tambahan berhampiran Pantai Remis, di sini akan disertai 40 kakitangan syarikat itu dengan kerjasama Jabatan

Perhutanan Negeri Selangor.

Aktiviti menanam 500 anak pokok bakau itu terdiri spesies bakau kurap dan bakau minyak itu dijangka akan dimulakan pada jam 9 pagi dan dijangka tamat pada jam 1 petang.

Usaha murni itu bertujuan membantu memelihara dan memulihara alam sekitar terutamanya pokok bakau bagi mengekalkan ekosistem pantai di kawasan Jeram.